

Berbeza pendirian, ideologi politik tak wajar memamatkan patriotisme

● Cinta kepada tanah air bukan sekadar rasa sentimental terhadap tempat kita dilahirkan. Ia ialah kesanggupan untuk membina, menjaga dan mempertahankannya

● Merdeka bukan sekadar bebas penjajahan, tetapi bermaksud bebaskan diri daripada rasuah, kebencian, perpecahan, ketidakjujuran dan sikap tidak peduli terhadap nasib negara



Oleh Mohd Yusnaldi Md Sabri
bhrencana@bh.com.my

Kempen mengibarkan Jalur Gemilang sudah bermula. Setiap kali Ogos tiba, suasana sambutan Bulan Kebangsaan kembali mewarnai kehidupan rakyat. Jalur Gemilang berkibar di halaman rumah, premis kerajaan, sekolah, universiti dan sepanjang jalan raya.

Lagu patriotik berkumandang, sejarah perjuangan kemerdekaan dibaca semula dan laungan 'Merdeka' bergema di seluruh pelosok negara.

Namun, selepas hampir tujuh dekad menikmati kemerdekaan, satu persoalan besar wajar kita tanyakan kepada diri sendiri, apakah sebenarnya makna kemerdekaan.

Adakah merdeka sekadar bebas daripada penjajahan. Adakah kecintaan kepada negara hanya dizahirkan dengan mengibarkan bendera, memakai pakaian bertemakan Malaysia dan menghadiri perarakan pada 31 Ogos.

Hakikatnya, kemerdekaan sepatutnya melahirkan sesuatu yang lebih mendalam, iaitu rasa memiliki negara, tanggungjawab terhadap masa depannya serta kesediaan mempertahankan setiap inci tanah air melalui tindakan sehari-hari.

Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026, 'Malaysia MADANI: Kesejahteraan Dinikmati', membawa mesej besar yang kemajuan, keadilan, kemanusiaan dan kebajikan tidak seharusnya dinikmati sebahagian masyarakat sahaja, sebaliknya dirasakan seluruh rakyat.

Justeru, cinta kepada negara tidak boleh berhenti pada perasaan. Ia mesti diterjemahkan melalui tindakan. Malaysia negara kaya kepelbagaian. Kita berbeza bangsa, agama, budaya, negeri, latar pendidikan dan pengalaman hidup. Tidak kurang penting, kita juga mempunyai pilihan politik yang berbeza.

Kita mungkin menyokong parti berlainan, mempunyai pandangan berbeza terhadap kerajaan

atau mengkritik dasar tertentu. Semua itu sebahagian daripada kehidupan dalam sebuah negara demokrasi.

Namun, perbezaan pilihan politik tidak sepatutnya memamatkan cinta kepada tanah air. Kita boleh mengkritik kerajaan kerana mahu Malaysia menjadi lebih baik. Kita boleh menegur pemimpin kerana mahu amanah negara dipelihara. Kita juga boleh berbeza pandangan kerana mahu mencari jalan terbaik untuk rakyat.

Apa yang perlu kita bezakan ialah antara tidak bersetuju dengan kerajaan dan tidak mencintai negara. Kerajaan boleh berubah, pemimpin boleh silih berganti dan parti politik boleh menang atau kalah. Namun, Malaysia mesti terus kita bina dan pertahankan. Inilah kematangan patriotisme.

Dalam ilmu, kecintaan terhadap tanah air juga bukan sesuatu yang asing. Rasulullah SAW mempunyai kecintaan mendalam terhadap Makkah, tanah kelahiran Baginda.

Selepas berhijrah ke Madinah, Baginda berdoa supaya Allah menjadikan Madinah dicintai sebagaimana Makkah atau lebih daripada itu, seperti diriwayatkan Imam Bukhari dan Muslim.

Pengajarannya jelas. Cinta kepada tempat asal dan tanah air ialah perasaan manusiawi, namun kecintaan itu perlu diterjemahkan dalam tanggungjawab.

Maka, cinta kepada tanah air bukan sekadar rasa sentimental terhadap tempat kita dilahirkan. Ia ialah kesanggupan membina, menjaga dan mempertahankannya.

Jika benar kita mencintai Malaysia, soalan yang perlu ditanya bukan sekadar, 'Saya sayang Malaysia', tetapi 'Apa yang saya lakukan untuk Malaysia hari ini'.

Apabila bercakap mengenai mempertahankan negara, fikiran kita sering tertumpu kepada anggota tentera dan pasukan keselamatan. Sudah tentu mereka berada di barisan hadapan mempertahankan kedaulatan negara.

Tidak semua orang memegang senjata untuk mempertahankan Malaysia. Ada yang memegang

pen, komputer, fail, stetoskop, buku atau penyapu. Namun, semuanya mempunyai satu amanah, jangan biarkan negara rosak kerana kelemahan kita.

Integriti sebahagian patriotisme

Kita perlu melihat patriotisme dari sudut lebih jujur. Apakah maknanya melaungkan 'Merdeka' jika pada masa sama mengambil rasuah atau wang rakyat diselewengkan.

Apakah maknanya bercakap mengenai cinta negara jika tugas dilaksanakan sambil lewa, kuasa disalahgunakan atau sumber awam dibazirkan.

Kemerdekaan bukan hanya terancam apabila musuh datang dari luar. Ia juga boleh terhakis apabila amanah runtuh dari dalam.

Sebab itu, integriti bukan sekadar nilai pentadbiran, tetapi sebahagian daripada patriotisme. Jika setiap orang melaksanakan tugas dengan ihsan, negara menjadi kuat. Jika setiap orang mengambil kesempatan atas kedudukan, negara menjadi lemah.

Pada era media sosial, cabaran patriotisme semakin kompleks. Satu berita palsu boleh tersebar dalam beberapa saat, satu video yang dipotong boleh mencetuskan kemarahan dan satu komen politik pula boleh memutuskan persahabatan.

Jangan sampai algoritma media sosial menentukan siapa yang kita benci. Jangan sampai perbezaan politik menyebabkan rakyat Malaysia yang berbeza pandangan dianggap musuh.

Mempertahankan Malaysia juga bukan soal mempertahankan sempadan geografi. Ia bermaksud mempertahankan keamanan, undang-undang, maruah, alam sekitar, pendidikan, ekonomi, perpaduan dan masa depan rakyat.

Ia bermula dengan perkara kecil, tidak membuang sampah merata-rata atau merosakkan harta awam, membuli, menipu, merasuah, menyebarkan fitnah, melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh, menghormati perbezaan dan membantu mereka yang memerlukan.

Rasulullah SAW bersabda: 'Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap apa yang dipimpinya.' (HR Bukhari dan Muslim)

Hadis ini menjadikan patriotisme bukan sekadar emosi, tetapi tanggungjawab. Kita tidak perlu memaksa semua rakyat Malaysia berfikir dengan cara yang sama. Kepelbagaian pandangan ialah sebahagian daripada realiti masyarakat demokratik.

Apa yang kita perlukan ialah kesepakatan pada perkara yang lebih besar daripada politik. Kita boleh berbeza parti, tetapi kita satu tanah air. Kita boleh berbeza pandangan, tetapi kita berkongsi masa depan. Kita boleh mengkritik kerajaan, tetapi jangan sesekali meruntuhkan negara yang kita warisi bersama.

Merdeka bukan sekadar bebas daripada penjajahan, tetapi bermaksud membebaskan diri daripada rasuah, kebencian, perpecahan, ketidakjujuran dan sikap tidak peduli terhadap nasib negara.

Selagi kita masih mampu berbeza tanpa bermusuhan, mengkritik tanpa membenci dan berpolitik tanpa mengabaikan kepentingan negara, selagi itulah semangat merdeka terus hidup.



(Foto BERNAMA)